



YONG menunjukkan buku Mandarin For All yang dihasilkannya.

Kuantan

Belajar Mandarin 28 jam

“Saya mengambil masa tiga tahun menghasilkan buku bertajuk *Mandarin For All* untuk kegunaan penuntut Melayu, India, Orang Asli dan Bajau yang ingin belajar serta lulus ujian kefasihan bahasa Mandarin (HSK) yang kini diiktiraf di seluruh dunia.

“Menjadikan buku ini sebagai bahan rujukan, saya yakin dalam masa 28 jam penuntut dapat menguasai bahasa Mandarin dengan lancar tanpa perlu menghabiskan banyak masa di kelas,” kata Yong Ying Mei, 33.

Pensyarah bahasa Mandarin di Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkata, tujuan utama buku itu diterbitkan untuk memberi pe-

luang kepada penuntut bukan Cina menguasai bahasa Mandarin dengan lebih mudah dan cepat.

Untuk mempercepatkan kefahaman dan kemahiran menyebut perkataan, setiap buku disertakan dengan sistem yang boleh diakses menggunakan telefon pintar dan kemudahan itu memberi peluang kepada penuntut belajar di mana saja mereka berada.

“Sehingga kini, 600 naskah buku terbabit terjual kepada penuntut bahasa Mandarin di UMP terdiri daripada pelajar Melayu, India, Orang Asli dan Bajau. Buku berharga RM45 itu diedarkan bahagian penerbitan UMP,” katanya.